

# OKU perlu terus berdikari

**NURUL FIRDAUS KHAIRI**

**TELOK DATOK** - Seramai 35 orang kurang upaya (OKU) daerah Kuala Langat menghadiri satu perjumpaan khas bersama beberapa aktivis yang berpengalaman membantu OKU menjalani kehidupan seharian anjuran Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 10 dan 11, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) di Dewan Sri Jugra, di sini.

MPP Zon 10, P Pathmanathan berkata, program ini diadakan bagi memberi peluang kepada golongan OKU di daerah ini melihat sendiri pengalaman aktivis yang dijemput khas bagi memberi perangsang untuk mereka menjalani kehidupan.

Menurutnya, program ini melibatkan semua lapisan bangsa dan pelbagai peringkat umur dalam memberi peluang kepada mereka mengenal dan mengetahui cara-cara berdikari.

"Antara aktivis yang dijemput dalam berkongsi pengalaman dalam majlis tersebut ialah, Pengasas Persatuan Pets Positive, T Anthony, Pengasas dan Presiden Pusat Latihan Independent, S Fracis dan



Sebahagian daripada peserta mendengar motivasi yang disampaikan oleh Rina Kaur di Dewan Sri Jugra.

Setiasua serta Persatuan Pets Positive, Rina Kaur.

"Dalam taklimat ringkas tersebut mereka telah menceritakan pengalaman mereka menjadi seorang yang berkeyakinan tinggi dalam kehidupan sebagai OKU dan menanam cita-cita untuk berdikari," katanya kepada **Sinar Harian**.

Jelasnya, dalam masa yang sama, turut diadakan penyerahan lima buah kerusi roda kepada lima orang yang layak daripada penyumbang yang enggan di-

siarkan namanya dalam memberi sokongan dan semangat kepada penerima bagi meneruskan tanggungjawab dan cita-cita mereka.

Dalam pada itu, MPP Zon 11, A Janarthani, turut berpendapat bahawa golongan OKU ini harus diberi perhatian yang lebih dalam usaha membantu mereka menjadi lebih cecak dalam hidup bermasyarakat.

"Sebagai masyarakat yang prihatin terhadap golongan ini, mereka tidak seharusnya me-

mandang serong terhadap apa yang dilakukan oleh golongan ini tetapi lebih kepada memberi sokongan dan galakan untuk mereka melibatkan diri dengan aktiviti yang dianjurkan masyarakat sekitar," katanya.

Tambahnya, beliau berharap lebih ramai golongan OKU mendaftarkan diri dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam usaha mengenal pasti keadaan mereka dan seterusnya dapat melibatkan diri dengan aktiviti yang dianjurkan.